



14 AUG, 2025

AKSB akan bayar hutang bil elektrik ikut jadual

Berita Harian, Malaysia



AKSB akan bayar hutang bil elektrik ikut jadual

Kota Bharu: Kerajaan Kelantan memaklumkan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) akan menyelesaikan hutang bil elektrik sebanyak RM61 juta dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengikut jadual ditetapkan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar Kelantan, Datuk Dr Izani Husin, berkata tunggakan bil berkenaan berlaku semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang juga pandemik COVID-19.

“Berhubung kes itu (hutang) pihak TNB sudah datang berjumpa dengan kita dan berbincang bagi cari penyelesaian.

“Dalam mesyuarat EXCO, kita ada sebut dan perkara yang dibangkitkan akan diselesaikan mengikut jadual dan sekarang pengurusan (AKSB) bertambah baik,” katanya ketika ditemui selepas Mesyuarat EXCO, di Kota Darulnaim, di sini semalam.

Dr Izani berkata, sebelum ini pihaknya sudah membuat bayaran bil yang lapuk.

Media sebelum ini melaporkan, AKSB memiliki tunggakan bil elektrik kira-kira RM61 juta dengan TNB sehingga 30 Jun lalu.